

# Kerajaan disiplin urus hutang negara

➔ Kementerian  
ambil  
tanggungjawab  
fiskal yakinkan  
pelabur,  
pasaran modal

Oleh Syalikhah Sazili  
cnews@nstp.com.my

✦ Kuala Lumpur

**K**erajaan tegas melaksanakan pengurusan fiskal bagi memastikan kedudukan ekonomi mikro terus kukuh dalam menampung krisis kewangan negara.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata teras utama Kementerian menangani hutang kerajaan Persekutuan bernilai RM1.087 trilion adalah kebertanggungjawaban fiskal bagi meyakinkan pelabur dan pasaran modal.

## Laksana langkah kawalan

“Ini menunjukkan kerajaan Persekutuan masih mempunyai ruang dasar fiskal dan kewangan. Bagi memastikan paras hutang terkawal dan terurus, pelbagai langkah kawalan dilaksanakan seperti mengkaji semula projek membatik kos tinggi berdasarkan keperluan bagi mendapatkan kos lebih rendah.

“Bagi projek yang sedang dilaksanakan, keseluruhan kos dikaji semula bagi mengelak kerajaan dikenakan caj kos tidak berpatutan.

“Projek mega seperti HSR (ke-

reta api berkelajuan tinggi), ECRL (Projek Laluan Rel Pantai Timur) dan MRT (Transit Aliran Massa) turut dikaji bagi meneliti keutamaan projek serta keupayaan kerajaan membayar balik,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan William Leong Jee Keen (PH-PKR Selayang) mengenai pelan kerajaan menanggung hutang dalam sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Menjawab soalan tambahan Leong sama ada kerajaan mengamalkan pembiayaan bajet, Guan Eng berkata kerajaan akan berbuat demikian jika ia memanfaatkan.

“Kerajaan tekad untuk bercakap benar, menegakkan prinsip ketelusan dan tidak akan menyembunyikan hutang. Saya tidak akan memberi gambaran tidak tepat mengenai kedudukan kewangan negara,” katanya.



Bagi memastikan paras hutang terkawal dan terurus, pelbagai langkah kawalan dilaksanakan”

Lim Guan Eng,  
Menteri Kewangan